



PERUTUSAN

**YBHG DATO' SRI AZIZAN BIN AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

HARI BIODIVERSITI ANTARABANGSA 2018

22 MEI 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Biodiversiti Antarabangsa (*International Day for Biological Diversity*) Tahun 2018 kepada segenap lapisan rakyat Malaysia.

Pada tanggal 22 Mei setiap tahun, dunia meraikan Hari Biodiversiti Antarabangsa. Hari ini dipilih untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran mengenai isu-isu biodiversiti.

Tema sambutan pada tahun ini adalah "***Celebrating 25 Years of Action for Biodiversity***". Tema ini dipilih untuk menandakan ulang tahun ke-25 permulaan Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) dan untuk melihat kemajuan yang telah dicapai dalam objektifnya di peringkat nasional dan global.

Kepelbagaian Biologi atau Biodiversiti adalah kepelbagaian organisma hidup daripada pelbagai sumber, khususnya di daratan mahupun samudera dan lain-lain yang melangkau ekosistem akuatik dan sebahagian daripada ekosistem yang kompleks termasuk di dalam kelompok spesies dan antara spesies dan ekosistemnya.

Malaysia adalah antara 12 negara mega biodiversiti yang kaya dengan kepelbagaian spesies flora dan fauna. Sekurang-kurangnya 60% spesies yang diketahui dunia terdapat di Malaysia. Dianggarkan terdapat lebih daripada 15,000 spesies tumbuhan vascular, 307 spesies mamalia, 567 spesies reptilia, 242 spesies amfibia, 2,068 spesies ikan air tawar dan marin dan 785 spesies burung. Negara kita juga mempunyai lebih daripada 400 spesies orkid yang eksotik.

Biodiversiti adalah aset semula jadi negara yang sangat berharga dalam mengekalkan persekitaran semula jadi dan sebagai *life support systems* yang membekalkan makanan, air dan sumber ekonomi dalam pelbagai sektor seperti pertanian, perhutanan, perikanan, perubatan dan pelancongan. Biodiversiti mempunyai kaitan rapat dengan fungsi ekosistem di mana biodiversiti menyumbang kepada *ecosystem services* seperti mengurangkan kesan perubahan iklim dan penampan kepada banjir.

Kehilangan biodiversiti akan menjejaskan keseimbangan dalam ekosistem. Justeru, pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti merupakan satu keperluan kritikal dan pelaburan yang penting kepada negara pada masa kini dan masa hadapan.

Pengurusan biodiversiti adalah satu bidang merentasi sektor dan perlu dilaksanakan secara bersepadu dengan mengintegrasikan dan mengarusperdanakan pemuliharaan biodiversiti dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan. Kerjasama kerajaan dan pelbagai pihak seperti ahli akademik, pendidik, penyelidik, masyarakat tempatan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan industri serta sektor-sektor lain yang berkepentingan akan menentukan masa depan biodiversiti negara.

Dengan usaha yang bersepadu, **Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025** akan dapat dilaksanakan dengan jayanya serta mencapai obligasi negara di bawah CBD iaitu untuk memastikan pemuliharaan biodiversiti, penggunaannya secara mampan dan perkongsian faedah dari penggunaan sumber genetik dalam memartabatkan Malaysia sebagai wilayah biodiversiti mega yang tersohor di dunia.

Marilah kita bersama berganding bahu untuk memuliharakan biodiversiti yang merupakan **khazanah negara** yang amat berharga ini. Usah biarkan biodiversiti kita dihilangkan kerana kelak kita tidak berupaya menggantikannya untuk generasi yang akan datang. Setelah hilang, biodiversiti **TIDAK BOLEH GANTI** lagi. Ayuh Kekalkan Biodiversiti Negara kita.

Selamat Menyambut Hari Biodiversiti Antarabangsa.